



IKHLAS

Basic Critical Illness Takaful



Diuruskan oleh: Takaful Ikhlas Family Berhad (200201025412) (593075-U)
Manfaat-manfaat yang layak dibayar di bawah Sijil Takaful ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga hadnya.
Sila rujuk Risalah TIPS PIDM atau hubungi **Takaful Ikhlas Family Berhad** atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).


IKHLAS Basic Critical Illness Takaful

Ini adalah pelan asas sumbangan berkala takaful perubatan dan kesihatan yang menyediakan perlindungan sekiranya Orang Yang Dilindungi disahkan menghadapi Penyakit Kritikal yang dilindungi, samada serangan jantung, strok/angin ahmar atau kanser. Ini adalah pelan perlindungan tulen tanpa komisyen, yang menggabungkan kos yang rendah dengan amaun perlindungan yang tinggi.


Apakah manfaat-manfaat yang saya akan terima dari IKHLAS Basic Critical Illness Takaful?

Sekiranya Orang Yang Dilindungi disahkan menghadapi Penyakit Kritikal yang dilindungi dan Sijil Takaful masih berkuatkuasa, 100% dari amaun perlindungan akan dibayar kepada Peserta Takaful. Amaun Perlindungan maksimum untuk setiap Orang Yang Dilindungi dihadkan kepada RM100,000 untuk setiap penyakit.


Penyakit kritikal yang ditawarkan adalah seperti di berikut:



Serangan Jantung



Strok/Angin Ahmar



Kanser


Nota:

1. Manfaat Penyakit Kritikal adalah dijamin oleh Dana Risiko. Sijil Takaful akan ditamatkan serta-merta selepas sebarang tuntutan dibayar sepenuhnya.
2. Sijil Takaful tidak mempunyai sebarang nilai apabila mencapai tempoh matang atau apabila serahan dilakukan.
3. Pelan ini tidak menyediakan sebarang perkongsian lebihan dari Dana Risiko.

Siapakah yang layak untuk menyertai *IKHLAS* Basic Critical Illness Takaful?



Orang Yang Dilindungi
17 - 55 tahun (*ANB)
*Umur akan datang



Layak untuk
Diri Sendiri Sahaja
*Peserta Takaful dan Orang Yang Dilindungi adalah orang yang sama.

Berapakah umur luput untuk pelan ini?



Bergantung kepada tempoh yang dipilih,
maksimum sehingga **65 tahun**

Berapa lamakah saya akan dilindungi?



Peserta Takaful boleh memilih tempoh perlindungan sehingga 20 tahun.

Berapakah amaun perlindungan yang saya akan perolehi?

Terdapat 3 pilihan amaun perlindungan yang disediakan:

PILIHAN	AMAUN PERLINDUNGAN
1	RM20,000
2	RM30,000
3	RM50,000

Berapakah jumlah yang perlu saya sumbangkan?

Jumlah kasar Sumbangan Takaful Tahunan adalah berbeza bergantung kepada umur, jantina, status perokok, tempoh sijil dan Amaun Perlindungan yang dipohon. Beberapa sampel ditunjukkan di dalam jadual di bawah:

Sampel Kadar Sumbangan Takaful Tahunan (Tempoh Perlindungan = 5 tahun)	
Umur	(RM20,000 Amaun Perlindungan)
20	RM138.00
30	RM143.10
40	RM175.95
50	RM242.85

Nota: Kadar di atas adalah dengan andaian bahawa Orang Yang Dilindungi yang dicadangkan adalah lelaki, bukan perokok dan berdasarkan hayat standard.

Anda juga boleh memilih untuk membuat sumbangan secara bulanan, suku tahunan, setengah tahunan atau tahunan.

SOALAN-SOALAN LAZIM

Apakah konsep Syariah yang diguna pakai di bawah pelan ini?

- (i) **Tabarru’**
Derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru’ akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko.

(ii) **Wakalah**

Kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejennya (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful dan yuran Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

Apakah dana - dana yang terlibat di dalam IKHLAS Basic Critical Illness Takaful?

Dana Risiko adalah dana terkumpul, berdasarkan konsep tabarru’ (derma) dengan memberikan perlindungan bersama dan membayar ganti rugi di kalangan Peserta-peserta Takaful.

Dana Pemegang Saham dimiliki oleh pihak Syarikat yang terdiri daripada Yuran Wakalah untuk menampung perbelanjaan dan komisen.

Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang dikenakan untuk IKHLAS Basic Critical Illness Takaful?

(i) **Yuran Wakalah** (peratusan dari Sumbangan Takaful Kasar)

Tahun Sijil Takaful				
1	2	3	4	5 & ke atas
25%	22%	18%	15%	10%

Nota:

- 1. Caj Sijil Takaful sebanyak RM48 untuk setiap Sijil Takaful akan dikenakan setiap tahun. Caj ini adalah tambahan kepada Yuran Wakalah.

(ii) **Caj-caj lain**

Caj-caj	Penerangan
Caj Tabarru’	Sumbangan Takaful selepas ditolak Yuran Wakalah dan caj Sijil Takaful akan ditempatkan di dalam Dana Risiko sebagai caj Tabarru’.
Yuran Penguatkuasaan Semula	Yuran penguatkuasaan semula adalah sebanyak RM15, ditambah cukai-cukai lain, jika ada, pada kadar semasa.
Duti Setem	Duti Setem sebanyak RM10 akan dikenakan sekali sahaja semasa permulaan.

Apakah PENGECUALIAN - PENGECUALIAN di bawah pelan ini?

(a) Tempoh Menunggu

Tiga puluh (30) hari tempoh menunggu dari tarikh Sijil Takaful berkuatkuasa atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana terkemudian akan dikenakan untuk keadaan berikut:

- (i) Strok/Angin Ahmar

Enam puluh (60) hari tempoh menunggu dari tarikh Sijil Takaful berkuatkuasa atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana terkemudian akan dikenakan untuk keadaan berikut:

- (i) Serangan Jantung
- (ii) Kanser

(b) Pengecualian-pengecualian utama yang lain

- (i) Peperangan, penaklukan, ancaman musuh luar, permusuhan atau operasi-operasi berbentuk peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan ataupun tidak) atau perang saudara; atau
- (ii) Pemberontakan, rusuhan awam, pemberontakan tentera atau orang awam, insureksi, penentangan, revolusi, perintah berkurung atau darurat atau apa-apa jua peristiwa ataupun penyebab yang boleh menentukan pengisytiharan ataupun penyelenggaraan perintah berkurung ataupun darurat; atau
- (iii) Disebabkan oleh atau lanjutan daripada bunuh diri atau cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau di bawah pengaruh alkohol atau narkotik atau dadah atau ketidaksiuman atau disebabkan oleh penyakit kelamin; atau
- (iv) Ketidakupayaan yang ditanggung oleh Orang Yang Dilindungi apabila melibatkan diri, mengendalikan atau melakukan servis, menaiki atau menuruni daripada atau dengan sebarang alat penerbangan atau kenderaan termasuk terjunan udara, payung terjun, lompatan bungee, peluncuran gantung atau belon udara kecuali apabila Orang Yang Dilindungi berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan; atau
- (v) Sebarang keadaan sedia wujud sebelum penerimaan perlindungan; atau

- (vi) Jika penyakit tersebut didiagnos dalam Tempoh Menunggu seperti yang dinyatakan di atas, dari tarikh kuatkuasa Sijil Takaful ini atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana terkemudian kecuali jika disebabkan oleh Kemalangan.

Nota: *Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai penuh pengecualian-pengecualian.*

Mengenai Takaful Ikhlas Family Berhad (Dahulu dikenali sebagai Takaful Ikhlas Berhad)

Takaful Ikhlas Family Berhad (Takaful IKHLAS Family) menawarkan rangkaian produk takaful keluarga yang menyeluruh. Saluran pengedarannya terdiri daripada ejen-ejen yang berpengetahuan tinggi dan terlatih, broker serta institusi-institusi kewangan. Takaful IKHLAS Family mempunyai 13 pejabat cawangan di seluruh negara.

Apakah maklumat penting yang anda perlu berikan perhatian?

1. Brosur ini adalah sebagai maklumat umum sahaja. Ini bukan kontrak Takaful. Syarat-syarat yang dinyatakan adalah tidak menyeluruh dan tidak lengkap. Anda perlu merujuk kepada Helaian Keterangan Produk (PDS) bagi mendapatkan maklumat lanjut, di mana anda boleh mendapatkan kedua-duanya dari ejen Takaful yang memberi perkhidmatan kepada anda. Anda juga perlu mempertimbangkan yuran-yuran dan caj-caj yang terlibat.
2. Pihak Syarikat berhak menyemak semula kadar sumbangan dan tabarru', yuran-yuran dan caj- caj, manfaat, tempoh dan syarat. Peserta Takaful akan dimaklumkan mengenai semakan semula ini secara notis bertulis sembilan puluh (90) hari sebelum ulangtahun Sijil Takaful.
3. Peserta Takaful perlu berpuas hati bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan Sumbangan Takaful yang dibayar di bawah pelan ini adalah jumlah yang anda mampu bayar.
4. Peserta Takaful diberi Tempoh Bertenang selama lima belas (15) hari selepas menerima Sijil Takaful untuk memastikan keperluan menyertai pelan ini. Peserta Takaful boleh memilih untuk membatalkan Sijil Takaful dengan memulangkan Sijil Takaful kepada pihak Syarikat dalam Tempoh Bertenang. Pihak Syarikat akan membatalkan serta-merta selepas penerimaannya dan akan memulangkan Sumbangan Takaful yang telah dibayar

ditolak sebarang perbelanjaan perubatan yang dibuat (sekiranya ada).

5. Selepas bayaran Sumbangan Takaful pertama, kegagalan pembayaran Sumbangan Takaful seterusnya kepada pihak Syarikat pada tarikh akhir dalam tempoh ehsan akan dianggap sebagai tertunggak.
6. Sekiranya tiada Sumbangan Takaful selepas tamat tempoh ehsan, Sijil Takaful akan lupus dan tidak mempunyai nilai.
7. Sekiranya Sijil Takaful luput, penguatkuasaan semula adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak Syarikat.
8. Sijil Takaful ini tidak menyediakan sebarang amaun manfaat dari Dana Risiko seandainya berlaku pembatalan, matang, serahan atau tamat tempoh kepada Sijil Takaful.
9. Amaun yang akan dikecualikan daripada cukai pendapatan untuk Sumbangan Takaful dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah tertakluk kepada persetujuan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
10. Pihak Syarikat berhak menolak sebarang tuntutan sekiranya Peserta Takaful gagal memberi maklumat-maklumat yang relevan yang akan memberi kesan kepada pihak Syarikat untuk membuat keputusan untuk menerima ataupun menolak sebarang risiko yang dicadangkan dan juga Sumbangan Takaful dan terma-terma yang sepatutnya dikenakan ke atas Peserta Takaful.
11. Untuk maklumat lanjut, anda boleh merujuk kepada buku panduan *insuranceinfo* mengenai 'Takaful Perubatan dan Kesihatan' atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Penafian:

Risalah ini adalah untuk maklumat am sahaja. Ia bukanlah satu kontrak Takaful. Syarat-syarat yang dinyatakan adalah tidak terperinci. Sila rujuk kepada kontrak Sijil Takaful bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai ciri-ciri penting di dalam Sijil Takaful.

Bagaimanakah saya boleh menyertai pelan ini?

Melalui saluran dalam talian kami:



e-mel kepada : salamikhlas@takaful-ikhlas.com.my



Lawati cawangan-cawangan kami yang terdekat

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Helaian Keterangan Produk di www.takaful-ikhlas.com.my

Contoh amaun Sumbangan Takaful untuk RM20,000 Amaun Perlindungan untuk tempoh 5 tahun.

Umur	Lelaki		Perempuan	
	Tidak merokok	Merokok	Tidak merokok	Merokok
17	138.00	158.70	138.00	158.70
18	138.00	158.70	138.00	158.70
19	138.00	158.70	138.00	158.70
20	138.00	158.70	138.00	158.70
21	138.00	158.70	138.00	158.75
22	138.00	158.70	138.00	159.75
23	138.00	158.70	138.00	160.80
24	138.00	158.90	138.55	162.10
25	138.00	159.70	139.60	163.45
26	138.00	160.80	140.70	165.05
27	138.65	162.20	141.95	166.75
28	139.90	163.95	143.40	168.70
29	141.40	165.95	144.90	170.85
30	143.10	168.35	146.65	173.25
31	145.10	171.10	148.60	175.95
32	147.20	174.00	150.80	178.95
33	149.70	177.40	153.20	182.30
34	152.40	181.15	155.90	186.00
35	155.40	185.35	158.95	190.20
36	158.80	190.00	162.40	194.95
37	162.55	195.15	166.20	200.20
38	166.75	200.95	170.40	206.00
39	171.20	207.10	174.85	212.15
40	175.95	213.65	179.55	218.65
41	180.95	220.55	184.55	225.50
42	186.25	227.90	189.65	232.60
43	191.95	235.70	194.95	239.90
44	198.15	244.30	200.50	247.50
45	204.50	253.00	206.15	255.35
46	211.25	262.35	211.90	263.25
47	218.30	272.15	217.75	271.35
48	225.80	282.45	223.55	279.35
49	233.50	293.05	229.65	287.80
50	242.85	305.95	236.10	296.65
51	253.30	320.35	242.65	305.70
52	265.15	336.70	249.35	314.95
53	278.50	355.10	256.00	324.10
54	292.80	374.85	262.95	333.70
55	307.95	395.70	270.20	343.70

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami di:

TAKAFUL IKHLAS FAMILY BERHAD (593075-U)

(Dahulu dikenali sebagai Takaful Ikhlas Berhad)
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013
dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

IKHLAS Point

Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South No. 8
Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur

Tel.: 03-27239696 Faks: 03-27239998

Laman sesawang: www.takaful-ikhlas.com.my

E-mel: ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my